

TOP ENEMA

Glycerin / Sodium Chloride (25%w/w / 15%w/w)

Apakan yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TOP ENEMA
2. Bagaimana TOP ENEMA berfungsi
3. Sebelum mengambil TOP ENEMA
4. Cara menggunakan TOP ENEMA
5. Semasa menggunakan TOP ENEMA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TOP ENEMA
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakan kegunaan TOP ENEMA

Untuk merawat sembelit.

Bagaimana TOP ENEMA berfungsi

TOP ENEMA mengandungi bahan aktif Glycerin dan Sodium Chloride. Glycerin mempromosikan peristalsis dan membantu untuk memulihkan fungsi usus daripada cara pemakanan yang tidak sihat atau kekurangan aktiviti fizikal. Sodium Chloride berfungsi dengan mengekalkan air dalam usus, menghasilkan pembuangan yang berair.

Sebelum mengambil TOP ENEMA

- Bila tidak boleh digunakan
Jangan gunakan ubat ini jika:
- Anda mempunyai alahan terhadap Glycerin, Sodium Chloride, atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan TOP ENEMA jika anda:

- Sedang dalam keadaan dehidrasi.
- Sedang mengandung atau menyusui.

Mengelakkan kontak dengan mata, hidung dan mulut. Tidak boleh dimakan. Untuk kegunaan rektum sahaja.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doctor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan TOP ENEMA

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak: Gunakan 10ml bila perlu. Untuk keadaan serius, gunakan 20ml sekali sehari.

Dewasa: Gunakan 20ml bila perlu. Untuk keadaan serius, gunakan 40ml sekali sehari.

- Bila perlu digunakan

Untuk merawat sembelit. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Untuk kegunaan bila perlu sahaja. Bagi penggunaan tempoh masa yang panjang, sila merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan produk ini dengan segera dan kemudian teruskan penggunaan macam biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlebih dos, sila merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan TOP ENEMA

- Perkara yang perlu dilakukan

Sila merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika kesakitan berlarutan atau bertambah serius.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan TOP ENEMA untuk kegunaan lain melainkan dicadangkan oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan rektum sahaja. Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan TOP ENEMA terhadap anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, TOP ENEMA boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Glycerin apabila digunakan dalam dubur mungkin menyebabkan ketidakselesaan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan TOP ENEMA

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan pada suhu di bawah 30°C. Simpan di tempat yang kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih dan tidak berbau.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Glycerin
 - Sodium Chloride
- Bahan tidak aktif
 - Air

Nombor MAL
MAL

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

THP Medical Sdn. Bhd
(1135528-K)
Lot PT 1281 (Plot 308), Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18, Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

13/07/2026

Nombor siri

NPRA (R2) 25/247